



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

5 JUN 2024 (RABU)

Kerajaan Mahu Tingkatkan Hasilan Daging Negara Lebih 100,000 Tan Metrik Pada 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	7	5 Jun



MOHAMAD Sabu (dua kiri) melihat lembu baka Kedah-Kelantan yang dipelihara di HL Agro Fram KB Sdn. Bhd di Kampung Sri Kemunting, Gunung. Bachok, Kelantan semalam. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

Kerajaan mahu tingkatkan hasilan daging negara lebih 100,000 tan metrik pada 2030

BACHOK: Kerajaan mahu meningkatkan penghasilan daging negara lebih 100,000 tan metrik setahun pada 2030 berbanding 47,000 tan metrik ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, setiap tahun negara memerlukan kira-kira 200,000 tan metrik daging untuk menampung permintaan dan keperluan penduduk.

Menurutnya, hasrat itu mampu dicapai menerusi sokongan berbentuk moral, kepakaran dan pembiayaan kepada mereka yang bersungguhsungguh mahu melaksanakan

usaha ini.

Ujarnya, pihak kementerian turut meminta pengusaha sedia ada untuk meningkatkan lagi jumlah pengeluaran mereka.

"Kita turut mengharapkan kerjasama kerajaan negeri untuk memberi peluang kepada penternak yang mahu membuka ladang-ladang baharu. Hal ini kerana tanah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri.

"Terutamanya di Kelantan, Terengganu dan Johor yang masih mempunyai tanah banyak untuk diusahakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan HL

Agro Fram KB Sdn. Bhd di Kampung Sri Kemunting, Gunung di sini semalam.

Mohamad memberitahu, beliau percaya jika semua pihak memberikan sokongan penuh sasaran itu mampu dicapai.

Katanya, bidang penternakan menjadi masa depan yang cerah kerana ia merupakan salah satu sumber keperluan bekalan makanan negara.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, bekalan lembu korban di negara ini mencukupi dan mampu menampung permintaan umat Islam.

100,000 Tan Metrik Daging Lembu Setahun

MEDIA

RUANGAN

MUKA SURAT

TARIKH

Kosmo!

Negara

6

5 Jun

100,000 tan metrik daging lembu setahun

BACHOK - Kerajaan menyasarkan pengeluaran hasil daging lembu negara meningkat kepada lebih 100,000 tan metrik setahun pada 2030 berbanding 47,000 tan metrik yang dihasilkan setiap tahun ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, negara sebenarnya memerlukan daging lembu kira-kira 200,000 tan metrik bagi menampung permintaan penduduk sepanjang setahun.


Menurutnya, jumlah 100,000 tan metrik mampu dicapai menerusi sokongan moral, kepakaran dan pembiayaan kepada mereka yang bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran itu.

"Kerajaan Pusat turut mengharapkan kerjasama kerajaan negeri untuk memberi peluang kepada penternak yang mahu membuka ladang-ladang baharu.

"Tanah merupakan bidang kuasa kerajaan negeri. Banyak tanah tanah berpotensi untuk diusahakan bagi ternakan lembu di Kelantan, Terengganu dan Johor," katanya kepada pemberita selepas Majlis Lawatan - Kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn. Bhd. di Kampung Sri Kemunting, Gunung, di sini semalam.

Tambahnya, kementerian turut meminta pengusaha sedia ada untuk meningkatkan lagi jumlah pengeluaran mereka kerana bidang penternakan mempunyai masa depan cerah.

"Setakat ini, bekalan lembu korban di negara ini mencukupi dan mampu menampung permintaan umat Islam sempena Hari Raya Aidiladha," ujarnya.



MOHAMAD (kiri) meninjau lembu baka Kedah-Kelantan di HL Agro Farm KB Sdn. Bhd. di Kampung Sri Kemunting, Gunung dekat Bachok semalam.

Malaysia Sasar 100,00 Tan Metrik Daging Tempatan Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	9	5 Jun

Malaysia sasar 100,000 tan metrik daging tempatan menjelang 2030

BACHOK - Kerajaan menyasarkan sebanyak 100,000 tan metrik pengeluaran daging tempatan menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sasaran itu diharap dapat dicapai 100 peratus dalam masa terdekat atau sekurang-kurangnya 50 peratus.

"Negara memerlukan 200,000 tan metrik daging lembu setahun bagi keperluan rakyat dan masih perlu mengimport 80 peratus daging bagi memenuhi permintaan.

"Bekalan daging ketika ini adalah sekitar kira-kira 20 peratus bersamaan 47,000 tan metrik," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja rasmi dan merasmikan HL Agro Farm KB Sdn Bhd di Kampung Sri Kemunting, Gunong di sini pada Selasa.

Mohamad berkata, bagi mengurangkan import serta kebergantungan daging dari luar negara pada masa akan datang, kerajaan akan membantu meningkatkan jumlah ternakan dan penghasilan.

"Kerjasama dengan negeri penting kerana tanah milik kerajaan negeri seperti tanah ladang di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor masih banyak boleh diusahakan," jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian memberi jaminan bekalan daging lembu untuk korban pada Aidiladha nanti mencukupi termasuk memberi jaminan tidak berlaku peningkatan harga daging yang ketara.

- *Bernama*

Malaysia Needs 200,000 Tonnes of Beef a Year to Meet Demand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	8	5 Jun



Farm visit: Mohamad visiting one of the cattle farms after the opening of HL Agro Farm KB Sdn Bhd yesterday. — Bernama

Malaysia needs 200,000 tonnes of beef a year to meet demand

BACHOK: Malaysia still needs 200,000 tonnes of beef per year to meet the needs of the people, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said that to meet the demand, the government aims to produce 100,000 tonnes of beef by 2030.

According to him, Malaysia still needs to import 80% of meat to meet the people's demand.

"The production of beef cattle in our country is still below 20%, equivalent to 47,000 tonnes.

"It is still a long way to go before we reach 100%," he told reporters after opening of HL Agro Farm KB Sdn Bhd with the farming community in Kampung, Sri Kemunting, Gunong, yesterday, Bernama reported.

Mohamad said that in order to reduce the import and dependence of beef from abroad in the future, the gov-

ernment will help increase the number of animal husbandry and production.

"Cooperation with the state government is important because the land belongs to the state government, such as the farms in Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor. There is still a lot that can be cultivated.

"If everyone works together, we will be able to reach the target of 100% in the near future, at least able to reach 50% even though it is not easy to do," he said.

Commenting further, Mohamad said the government also channelled allocations to farmers who had just started their businesses by providing assistance of about RM20,000 per person.

He also assured that the supply of sacrificial beef for the coming Hari Raya Aidiladha will be sufficient, including assurances that there will be no significant increase in the price of meat.

Malaysia Needs 200,000 Tonnes of Beef A Year to Meet Demand

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	5 Jun



Farm visit: Mohamad visiting one of the cattle farms after the opening of HL Agro Farm KB Sdn Bhd yesterday. — Bernama

BACHOK: Malaysia still needs 200,000 tonnes of beef per year to meet the needs of the people, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said that to meet the demand, the government aims to produce 100,000 tonnes of beef by 2030.

According to him, Malaysia still needs to import 80% of meat to meet the people's demand.

"The production of beef cattle in our country is still below 20%, equivalent to 47,000

tonnes.

"It is still a long way to go before we reach 100%," he told reporters after opening of HL Agro Farm KB Sdn Bhd with the farming community in Kampung Sri Kemunting, Gunong, yesterday, Bernama reported.

Mohamad said that in order to reduce the import and dependence of beef from abroad in the future, the government will help increase the number of animal husbandry and production.

“Cooperation with the state government is important because the land belongs to the state government, such as the farms in Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor. There is still a lot that can be cultivated.

“If everyone works together, we will be able to reach the target of 100% in the near future, at least able to reach 50% even though it is not easy to do,” he said.

Commenting further, Mohamad said the government also channelled allocations to farmers who had just started their businesses by providing assistance of about RM20,000 per person.

He also assured that the supply of sacrificial beef for the coming Hari Raya Aidiladha will be sufficient, including assurances that there will be no significant increase in the price of meat.-[THE STAR](#)

Malaysia Sasar 100,000 Tan Metrik Daging Tempatan Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	4 Jun



Mohamad melawat ternakan lembu selepas merasmikan HL Argo Farm KB Sdn Bhd pada Selasa. Foto Bernama

BACHOK - Kerajaan menyasarkan sebanyak 100,000 tan metrik pengeluaran daging tempatan menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berharap sasaran itu dapat dicapai 100 peratus dalam masa terdekat atau sekurang-kurangnya 50 peratus.

"Negara memerlukan 200,000 tan metrik daging lembu setahun bagi keperluan rakyat dan masih perlu mengimport 80 peratus daging bagi

memenuhi permintaan rakyat.

"Bekalan daging ketika ini sekitar kira-kira 20 peratus bersamaan 47,000 tan metrik," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja rasmi dan merasmikan HL Agro Farm KB Sdn Bhd di Kampung Sri Kemunting, Gunong, di sini pada Selasa.

Mohamad berkata, bagi mengurangkan import serta kebergantungan daging dari luar negara pada masa akan datang, kerajaan akan

membantu meningkatkan jumlah ternakan dan penghasilan.

"Kerjasama dengan kerajaan negeri penting kerana tanah milik kerajaan negeri seperti tanah ladang di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor masih banyak boleh diusahakan.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerajaan turut menyalurkan peruntukan kepada penternak yang baru memulakan usaha dengan memberikan bantuan kira-kira RM20,000 seorang.

Sementara itu, beliau berkata, kementerian memberi jaminan bekalan daging lembu untuk korban pada Aidiladha nanti mencukupi termasuk memberi jaminan tidak berlaku peningkatan harga daging yang ketara.-

[SINARHARIAN](#)

Harga Lembu Korban Sama Dengan Tahun Lalu - Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Online	4 Jun



Mohamad (tengah) ketika melawat kandang lembu sempena Majlis Latihan kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn Bhd Bersama Komuniti Penternak dan Peladang Kelantan 2024 di Kampung Sri Kemunting, Gunong, Bachok. - Foto Nor Amalina Alias

BACHOK: Harga lembu untuk ibadah korban masih sama seperti harga tahun lalu, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, jika ada pun kenaikan atau penurunan harga lembu korban mungkin berlaku di beberapa kawasan sahaja.

Setakat ini, katanya, harga satu bahagian korban sempena Aidiladha masih sekitar RM750 hingga RM850 ke atas dengan anggaran seekor lembu sekitar

RM5,000 dan ke atas.

"Dulu, memang ada kes harga lembu murah disebabkan kemarau, Sungai Golok kering, cetek, lembu diseludup, pakai heret lembu ikut sungai.

"Kita memang nak murah tapi kena lihat daripada sudut kesihatan, keselamatan juga," katanya ketika ditemui dalam Majlis Latihan kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn Bhd Bersama Komuniti Penternak dan Peladang

Kelantan 2024 di Kampung Sri Kemunting, Gunong, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Urusan HL Agro Farm KB Sdn Bhd, Nik Mohd Suwardy Nik Mat.

Mohamad Sabu yakin pihak berkaitan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Veterinar dan agensi lain yang berkaitan melaksanakan kawalan undang-undang bagi mengekang aktiviti sedemikian.

Katanya, lembu seludup dibimbangi boleh mendatangkan bawaan penyakit kepada ternakan lain dan lebih berbahaya memberi kesan penyakit kepada manusia.

Ini berikutan, ternakan mungkin tidak divaksin atau mendapat penjagaan dan pemakanan yang baik.

"Setakat makluman kita juga, bekalan lembu korban untuk Aidiladha tahun ini adalah mencukupi," katanya.-

[BHONLINE](#)

Pengeluaran Daging Lembu Mampu Cecah 100,000 Tan Metrik Setahun Pada 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	4 Jun



Mohamad (kiri) meninjau lembu baka Kedah-Kelantan yang ditenak di HL Agro Farm KB Sdn. Bhd. di Kampung Sri Kemunting, Gunung dekat Bachok hari ini.

BACHOK – Kerajaan menyasarkan pengeluaran hasil daging lembu negara meningkat kepada lebih 100,000 tan metrik setahun pada 2030 berbanding sebanyak 47,000 tan metrik bahan mentah tersebut yang dihasilkan setiap tahun ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, negara sebenarnya memerlukan kira-kira daging lembu kira-kira 200,000 tan metrik bagi menampung permintaan penduduk

sepanjang setahun.

Menurutnya, jumlah 100,000 tan metrik mampu dicapai menerusi sokongan moral, kepakaran dan pembiayaan kepada mereka yang bersungguh-sungguh untuk mencapai sasaran tersebut.

“Kerajaan Pusat turut mengharapkan kerjasama daripada kerajaan negeri untuk memberi peluang kepada penternak yang mahu membuka ladang-ladang baharu.

“Tanah merupakan bidang

kuasa kerajaan negeri. Banyak tanah tanah berpotensi untuk diusahakan bagi ternakan lembu di Kelantan, Terengganu dan Johor,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Lawatan Kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn. Bhd. di Kampung Sri Kemunting, Gunung di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamad memberitahu, sehubungan itu, kementerian turut meminta pengusaha sedia ada untuk meningkatkan lagi jumlah pengeluaran mereka.

Menurutnya, sasaran pengeluaran lebih 100,000 tan metrik daging lembu setahun itu mampu dicapai jika mendapat sokongan penuh daripada semua pihak.

“Bidang penternakan mempunyai masa depan yang cerah kerana ia merupakan salah satu sumber keperluan bekalan makanan negara.

“Setakat ini, bekalan lembu korban di negara ini mencukupi dan mampu menampung permintaan umat Islam sempena Hari Raya Aidiladha,” ujarinya. – [KOSMO! ONLINE](#)

Sasar 100,000 Metrik Tan Bekalan Daging Tempatan Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	4 Jun



MOHAMAD Sabu (tengah) ketika melapah daging lembu sempena Majlis Latihan kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn Bhd. FOTO Nor Amalina Alias

Bachok: Kerajaan mensasarkan pengeluaran bekalan daging tempatan lebih 100,000 metrik tan setahun pada 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sasaran itu diharap dapat dicapai bagi membekalkan 50 peratus bekalan daging negara.

Menurutnya, ketika ini bekalan daging hanya sekitar 20 peratus iaitu hanya 47,000 metrik tan setahun.

"Sedangkan kita memerlukan

sekurang-kurangnya 200,000 metrik tan setahun bagi memenuhi keperluan bekalan daging negara.

"Kita harap paling kurang enam tahun lagi boleh capai 50 peratus berbanding kita masih import 80 peratus daging luar negara seperti dari Australia, India, Argentina dan sebagainya," katanya ketika ditemui dalam majlis Latihan kerja Rasmi dan Perasmian HL Agro Farm KB Sdn Bhd Bersama Komuniti Penternak dan Peladang Kelantan 2024 di Kampung Sri Kemunting,

Gunong di sini, hari ini.

Hadir sama Pengarah Urusan HL Agro Farm KB Sdn Bhd Nik Mohd Suwardy Nik Mat.

Katanya, antara usaha yang dilaksanakan kerajaan adalah memperkasakan institusi perbankan seperti Agrobank dan universiti bagi menggalakkan peningkatan penternak dan penghasilan daging.

Menurutnya, melalui bantuan seperti Agropreneur Muda, pihak bank turut membantu penternak belia memulakan ternakan dengan pembiayaan bermula RM20,000 selain mahu syarikat besar memberi peluang bagi membantu penternak muda ini memulakan bidang ternakan.

"Kita juga nak kerjasama dengan pihak kerajaan negeri kerana banyak tanah milik kerajaan negeri seperti di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor yang masih luas dan berpotensi untuk bangunkan bidang ternakan, nak capai 50 peratus (bekalan daging) tahun 2030, bukan senang, tapi kita cuba usahakan," katanya.

Beliau berkata, bidang ternakan ruminan adalah satu industri yang berpeluang cerah untuk meningkatkan pendapatan

B40 selain dapat mengurangkan kebergantungan kepada daging import sekali gus mengelakkan aliran wang tunai ke luar.

"Setakat ini kita hampir capai 100 peratus bagi bekalan ternakan akuakultur, ternakan seperti udang, ikan talapia bukan sahaja memenuhi pasaran tetapi kita dan mula boleh eksport ke luar negara," katanya.

Dalam majlis itu, Mohamad turut memuji usaha pihak HL Agro Farm yang menjalankan ternakan lembu kontrak, bekalan daging, penghasilan makanan palet haiwan ternakan dan rumput makanan seperti napier, minyak dan pangola bagi industri ruminan.-[MYMETRO](#)

KPS Bekalkan Peralatan Dan Kelas Latihan, Mahu Bantu B40 Kembangkan Penternakan Ayam Kampung

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Majoriti	Berita	Online	4 Jun



Pihak KPS Berhad dan pihak MyFundAction membuka ruang kepada golongan B40 untuk membangunkan penternakan dan perniagaan mereka sendiri.

SEBANYAK RM157,000 diperuntukkan oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad bagi menyediakan perniagaan penternakan ayam kampung kepada masyarakat B40 di sekitar Selangor.

Projek Sustainable Community Poultry Project (SCoPP) di bawah kelolaan MyFundAction itu membuka peluang kepada 12 orang golongan B40 untuk membangunkan penternakan dan perniagaan mereka sendiri dengan menternak 200 ekor ayam untuk satu kitaran.

Pengurus Projek SCoPP, Hariz

Danial Safruddin berkata, penternak juga dibekalkan dengan kelas-kelas khas seperti penjagaan reban, pemasaran, pengurusan operasi, kewangan dan lain-lain.

"Selain dibekalkan 200 ekor ayam, mereka juga diberikan latihan menerusi kelas khas.

"Ini dibuat untuk tingkatkan lagi kemahiran penternak dalam bidang penternakan ayam kampung," katanya.

Hariz Danial turut berkata, MyFundAction dan KPS



Penternakan ayam yang dijalankan oleh seorang peserta SCoPP, Shahrul Ali Mohd Sharif.

Berhad akan menyediakan beberapa kemudahan peralatan kepada penternak yang sudah menyertai SCoPP sejak tahun lalu.

"Antara peralatan yang diberi adalah peti sejuk beku, mesin pencabut bulu ayam, dan mesin pembungkus vakum bag menghasilkan produk ayam kampung kacuk sejuk beku (frozen)," katanya.

Untuk rekod, sebanyak lapan orang peserta SCoPP 2023 sudah memasuki kitaran pengeluaran keenam manakala empat orang peserta baharu memasuki kitaran pengeluaran kedua dengan purata berat ayam antara 1.2 (kilogram) kg ke 1.5kg setiap ekor.

MyFundAction juga amat mengalu-alukan sokongan dan kesudian mana-mana syarikat korporat, badan bukan kerajaan (NGO) atau individu perseorangan yang ingin berkolaborasi dan bekerjasama bagi membantu masyarakat yang terjejas. —

[MAJORITI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR